

Tabung Haji terima Anugerah Labbaittom

HARIAN METRO 3/7/2023 N.S. 8

Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) sekali lagi menerima pengiktirafan daripada kerajaan Arab Saudi menerusi Anugerah Labbaittom bagi kategori Perkhidmatan Terbaik Pejabat Urusan Haji.

TH dalam kenyataan memaklumkan anugerah berkenaan disampaikan Menteri Haji dan Umrah Arab Saudi Dr Tawfiq Fawzan Al-Rabiah dan diterima Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar dalam majlis dihadiri pelbagai negara di Makkah, semalam.

Mohd Na'im dalam kenyataan sama berkata, sistem dan kecekapan pengurusan jemaah haji Malaysia sentiasa diiktiraf sebagai model terbaik dunia dan menjadi model pengurusan haji yang sering dicontohi masyarakat antarabangsa.

Jelasnya, antara kriteria anugerah itu ialah dari segi penerapan teknologi untuk menyelaraskan perkhidmatan kepada jemaah haji, per-



MOHD Na'im (kiri) mewakili negara menerima anugerah bagi kategori Perkhidmatan Terbaik Pejabat Urusan Haji.

sediaan ibadat dan kursus haji, peratusan kadar kepuasan jemaah haji dengan perkhidmatan ditawarkan dan

penilaian perkhidmatan disediakan sepanjang musim haji.

"Perkara ini dilihat me-

lalui kesiapsiagaan TH dalam aspek pengurusan haji di Tanah Suci seperti penyediaan prasarana di bangunan penginapan jemaah haji, pejabat perkhidmatan Maktab, pejabat perkhidmatan pelanggan, perkhidmatan kesihatan, penggunaan aplikasi THhujaj dan perkhidmatan petugas haji dan pembimbing ibadat haji," katanya.

Turut hadir pada sesi penyampaian anugerah itu ialah Pengerusi TH Tan Sri Azman Mokhtar, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Syed Hamadah Syed Othman, Ketua Rombongan Haji Malaysia Datuk Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman serta pihak pengurusan TH di Makkah.

Menurut kenyataan itu, pada Februari lalu, TH memenangi Anugerah Labbaittom untuk Perkhidmatan dan Program Bimbingan Haji Terbaik dalam dunia Islam daripada Kerajaan Arab Saudi dan ia satu lagi pengiktirafan kepada Malaysia.